

Latihan Medan Siswa Pertahanan Awam UMSKAL di Pulau Papan berjalan lancar

NST 25.7.2014 9

LABUAN: Latihan Medan Siswa dan Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang diadakan di Pulau Papan berjalan lancar seperti yang dirancang.

Majlis yang dihadiri oleh 70 peserta yang membabitkan anggota SISPA semester 2 dan smester 4 telah disempurnakan perasmiannya oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Turut menyertai latihan itu ialah 15 anggota termasuk seorang pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang bertindak selaku urusetia latihan.

Selain JPAM program tersebut juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Laut Labuan, Jabatan Maritim Labuan, dan Jabatan Pelancongan Labuan.

Ismail berkata program itu bertujuan untuk

melatih anggota SISPA untuk menjadi 'first responden' terhadap masyarakat dan memupuk semangat kerjasama berpasukan.

Selain itu, untuk membentuk keyakinan diri peserta supaya berani berhadapan dengan situasi cemas dan melatih anggota SISPA supaya tahu cara menyelamatkan di air.

Turut hadir Mejar Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Norazah Mohd Suki dan Lt. Muda (PA) Japli Siping (PPAD WP Labuan) serta Pengerusi SISPA UMSKAL 2011/2014, Mohd Kasman Tahip.

Dr Ismail berkata kem latihan seperti ini amat baik untuk diadakan kerana memberi banyak manfaat kepada peserta.

Beliau berharap agar ianya berterusan supaya dapat menghasilkan lebih ramai sukarelawan muda untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**



KENANGAN.... Dr Ismail bergambar kenangan bersama anggota SISPA UMS Labuan yang menyertai latihan di Pulau Papan.